



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL

Hubungan *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* dengan Ilmu Sejarah: Cerminan Iktibar daripada Tuhan Yang Maha Kuasa

ABSTRAKSI: *Al-Qur'an* memang mengandung pelbagai ilmu pengetahuan, tidak terkecuali dengan ilmu sejarah. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam juga menghargai peristiwa-peristiwa bersejarah, sepertimana yang terakam dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith*. Artikel ini, dengan menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dan penjelasan yang deskriptif-kualitatif, mahukan menganalisis tak setakat sejarah asal-usul manusia menurut *Al-Qur'an*, sejarah para Nabi, dan sejarah penciptaan alam nyata dan alam ghaib dalam *Al-Qur'an*, yang berorientasikan pada masa lalu, tetapi juga wujud hubungan antara pemeribalan sejarah dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* itu dengan masalah-masalah terkini serta ramalan mengenai datangnya hari Kiamat, yang berorientasikan sejarah masa hadapan. Meskipun lembaran sejarah yang tercatat dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* sudah menjangkau beribu tahun dan hingga kini sudah banyak kemajuan yang dicapai dalam tamadun manusia, namun yang tidak banyak berubah ialah kegiatan yang bertentangan dengan kehendak Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala). Nilai-nilai negatif seperti yang terdapat dalam sejarah *Al-Qur'an*, dalam kalangan manusia hari ini, masih wujud dan berleluasa. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa manusia hari ini masih belum mahu mengambil iktibar daripada apa yang berlaku kepada kaum-kaum terdahulu, sepertimana yang didedahkan oleh kisah sejarah dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith*. Mereka tidak terfikir bahawa perkara ini akan mengundang bala dan bencana daripada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Berkuasa.

KATA KUNCI: *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith*; Ilmu Sejarah; Iktibar; Sejarah para Nabi; Masalah Moral.

ABSTRACT: "The Relationship of *Al-Qur'an* and *Al-Hadith* with the Science of History: Reflection of the Lesson from the God Almighty". The *Al-Qur'an* indeed contains a variety of knowledges, no exception to the science of history. This clearly shows that Islam also concerned the historical events, as recorded in the *Al-Qur'an* and *Al-Hadith*. This article, by applying the method of historical research and descriptive-qualitative explanations, wants to analyze not only the history of human origin according to the *Al-Qur'an*, the history of the Prophets, and the history of real and supernatural creation in the *Qur'an*, which is oriented in the past, but there is also a connection between the historical description in the *Qur'an* and *Al-Hadith* with the latest problems and predictions about the coming of the Day of Judgment, which is historical oriented in the future. Although the history of the *Al-Qur'an* and the *Al-Hadith* has reached thousands of years, and has made many advances in human civilization, but that does not change much is the human activities contrary to the will of Allah Almighty. Negative values such as those found in the history of the *Al-Qur'an*, in human beings today, still exist and widespread. Therefore, it is argued that human beings today still have not been able to take lessons from what happened to the earlier races, as revealed by the historical accounts in the *Al-Qur'an* and *Al-Hadith*. They do not think that this will bring disaster and catastrophe from Allah SWT, God Almighty.

KEY WORD: *Al-Qur'an* and *Al-Hadith*; Science of History; Learn; History of the Prophets; Moral Problems.

About the Author: Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah Kanan di Pengajian Sejarah dan Antarabangsa FASS UBD (Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui emel di: asbol.mail@ubd.edu.bn

Suggested Citation: Haji Mail, Haji Awang Asbol bin. (2017). "Hubungan *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* dengan Ilmu Sejarah: Cerminan Iktibar daripada Tuhan Yang Maha Kuasa" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 2(2), August, pp.83-100. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, ISSN 2443-1776.

Article Timeline: Accepted (March 2, 2017); Revised (May 20, 2017); and Published (August 30, 2017).

PENDAHULUAN

Islam ialah agama yang disebarkan oleh Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*), yang bermula di Kota Makkah. Ia diakui oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) sebagai satu agama yang lengkap dan sempurna. Lantaran itu, ia sememangnya sesuai dengan fitrah hidup manusia, baik ianya sebagai orang perseorangan ataupun dalam bentuk kelompok, yang mewujudkan kepelbagaian hubungan antara manusia dengan manusia, antara manusia dengan alam sekitaran, dan antara manusia dengan *Al-Khalik* (Haji Alias, 1996; dan Jawas, 2007).

Dalil ini menunjukkan bahawa agama Islam bukanlah satu agama yang hanya memberikan penekanan dalam aspek ibadat yang berkaitan dengan alam akhirat. Akan tetapi, ia juga melihat pentingnya kehidupan duniawi, kerana ia menentukan nasib kehidupan setiap manusia di alam akhirat nanti. Kalau mereka berbuat baik dan menurut perintah Allah SWT di dunia berarti kehidupan di Syurga menanti mereka di alam akhirat; tetapi jika kejahatan menjadi mainan hidup, maka Neraka Jahanam akan menunggunya (Jawas, 2007; dan Addariny, 2015).

Oleh sebab Islam ialah agama yang lengkap, maka ilmu sejarah juga tidak terlepas daripada garapannya. Ia boleh diungkap menerusi dua sumber utama, iaitu *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* (Lubis, 1987:1). Para ulama *usuluddin*, *usul-fiqh*, *fiqh*, dan bahasa sependapat mengatakan bahawa *Al-Qur'an* adalah *kalamullah* dan manusia tidak akan berkemampuan untuk mencipta yang setara dengannya (Labis, 2002:1). Ia benar-benar wahyu daripada Allah SWT apabila ia diucapkan secara

berulang-ulang dengan susunan yang sama tanpa berubah oleh Nabi Muhammad SAW, seorang yang *ummi* atau tidak tahu membaca (at-Tamimi, 2007).

Menurut H.M. Rashidi (1972), sepertimana juga dipetik oleh Yaakob Mat Noor (1994), *Al-Qur'an* itu bukan saja membicarakan tentang sejarah tetapi juga peradaban, teknologi, undang-undang, politik, dan kesatuan-kesatuan yang diwujudkan oleh umat manusia (Rashidi, 1972; dan Noor, 1994). Pandangan ini juga menunjukkan bahawa *Al-Qur'an* memang *kalamullah*, kerana tidak mungkin seorang yang *ummi* boleh mencipta sebuah kitab yang mengandungi kepelbagaian ilmu (Noor, 1994:3). Sementara itu, *Al-Hadith* adalah sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabat Baginda untuk menjelaskan sesuatu, terutama perkara-perkara umum yang terdapat dalam *Al-Qur'an*. *Al-Hadith* juga digunapakai dalam menentukan undang-undang Islam (Lubis, 1987:1; dan Sarnap, 1998:351). Ia bukan sahaja dalam bentuk kata-kata Nabi, bahkan juga meliputi perbuatan dan kelakuan Baginda Nabi (al-Farisi, 2017).

Salah satu ciri-ciri sejarah yang terkandung dalam *Al-Qur'an* ialah terdapatnya peristiwa-peristiwa yang telah membentuk beberapa ruang lingkup sejarah, yang membabitkan para Nabi, raja-raja, tokoh-tokoh terkenal, dan beberapa golongan manusia di masa silam (Stapa, 1999; dan al-Farisi, 2017). Hal ini memang bersesuaian dengan pengertian sejarah yang dikemukakan oleh seorang sarjana Islam yang terkenal, iaitu Ibnu Khaldun (2015). Beliau mentakrifkan sejarah sebagai ilmu yang menjelaskan mengenai tingkah-laku dan gaya kehidupan manusia, yang membabitkan

hal-hal kerajaan, kemahiran, dan ilmu pengetahuan mereka di masa lampau (*cf* al-Na'miy, 1994:41-43; Abdullah, 2004; dan Khaldun, 2015).

Dalam penulisan sejarah moden, para sejarawan telah membahagikan kepada beberapa ruang lingkup dalam kajian sejarah, seperti: sejarah politik, ekonomi, sosial, ataupun tokoh-tokoh terkenal dunia (Ibrahim, 1975; dan Abdullah, 2004). Sungguhpun pembahagian seperti ini mendapat kritikan sebahagian daripada sejarawan sendiri, kerana dikatakan tidak mampu untuk memberikan gambaran yang menyeluruh sesuatu peristiwa sejarah, tetapi mahu tidak mahu ianya mesti juga dilakukan dalam aspek penyelidikan dan penulisan sejarah (Abdullah, 2004).

Pembahagian ruang lingkup seumpama ini dibuat semata-mata untuk memudahkan proses kajian sejarah, di samping memudahkan para pembaca untuk memahami satu-satu peristiwa bersejarah itu. Kalau ruang lingkup para sejarawan melihat sejarah itu sebagai tindak-tanduk manusia di masa lampau dalam dunia, tetapi ruang lingkup dalam *Al-Qur'an* tidak hanya terbatas dalam membicarakan tindak-tanduk manusia di dunia, tetapi juga di alam ghaib. Inilah keunikan yang terdapat pada sejarah *Al-Qur'an* (Shihab *et al.*, 2001; dan Alifuddin, 2009).

Antara ruang lingkup sejarah yang menonjol dalam *Al-Qur'an* ialah sejarah para Nabi. Ia meliputi kisah asal-usul kejadian manusia, gerakan dakwah yang dilakukan oleh para Nabi, dan ujian-ujian yang berbentuk positif dan negatif dialami oleh para Nabi (Amal, 2001; Shihab *et al.*, 2001; dan Alifuddin, 2009). Dalam semua sejarah ini menggambarkan hubungan antara manusia dengan Tuhannya,

manusia dengan makhluk ghaib seperti malaikat dan iblis, serta manusia dengan alam persekitarannya yang mencangkup alam syurga dan dunia. Dari sinilah munculnya aspek-aspek yang boleh diambil iktibar dan cerminan daripada kuasa Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Kuasa.

Artikel ini, dengan menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dan penjelasan yang deskriptif-kualitatif (Ibrahim, 1975; Abdullah, 2004; Sjamsuddin, 2007; dan Denzin, 2008), mahukan menganalisis tak setakat sejarah asal-usul manusia menurut *Al-Qur'an*, sejarah para Nabi, dan sejarah penciptaan alam nyata dan alam ghaib dalam *Al-Qur'an*, yang berorientasikan pada masa lalu, tetapi juga wujud hubung-kait antara pemerihal sejarah dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* itu dengan masalah-masalah terkini serta ramalan mengenai datangnya hari Kiamat, yang berorientasikan sejarah masa hadapan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sejarah asal-usul kejadian manusia dalam *Al-Qur'an* boleh dikesan menerusi lembaran sejarah Nabi Adam. Baginda adalah pemulaan kepada kewujudan manusia. Nabi Adam dicipta oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) daripada segumpal tanah, yang dihembuskan roh hingga baginda hidup dan bernyawa. Penciptaan baginda Adam telah menyebabkan Iblis diusir oleh Allah SWT dari Syurga. Allah SWT bertindak demikian, kerana Iblis menunjukkan sikap angkuh dan sombong apabila ia enggan sujud di hadapan Nabi Adam bersama para Malaikat (Saad, 1996; dan Iyas, 2002).

Iblis beralasan bahawa ia lebih mulia

daripada Nabi Adam, kerana ia dijadikan daripada api, manakala Nabi Adam daripada tanah. Sedangkan Allah SWT tidak pernah menyatakan bahawa api lebih mulia daripada tanah. Kemuliaan yang demikian itu hanya menurut pandangan Iblis sahaja. Bagaimanapun, Iblis tidak bijak menilik dan merenung di sebalik Allah SWT memerintahkan ia sujud di hadapan Nabi Adam. Pada dasarnya, setiap makhluk yang dihormati dengan cara sujud, maknanya makhluk itu lebih mulia. Ini bererti bahawa Nabi Adam lebih mulia daripada Iblis (Iyas, 2002; dan al-Jerrahi, 2009).

Sebilah daripada tulang rusuk kiri Nabi Adam, Allah SWT telah melahirkan seorang wanita bernama Siti Hawa, sebagai pasangan hidupnya. Sungguhpun Iblis telah diusir dari Syurga, namun ia memohon kepada Allah SWT supaya dibenarkan untuk menggoda umat manusia hingga hari Kiamat, supaya mereka termasuk dalam golongannya. Permohonannya itu dimakbulkan oleh Allah SWT, namun Allah SWT berfirman bahawa Iblis tidak akan dapat menggoda mereka yang berpegang teguh dengan ajaran dan perintah Allah SWT (Iyas, 2002; dan Haryadi, 2012).

Oleh itu, Iblis dengan penuh tipu daya telah menghasut Nabi Adam dan Siti Hawa untuk memakan buah yang dilarang, yang dikenali sebagai buah "kuldi" oleh Allah SWT di dalam Syurga. Dalam hasutan itu, Iblis mengatakan kepada Nabi Adam dan isterinya bahawa mereka akan dapat hidup selama-lamanya dalam Syurga, jika mereka memakan buah larangan itu. Kerana terpengaruh dengan kata-kata Iblis, Nabi Adam dan Siti Hawa memakan buah larangan itu, maka mereka telah dikeluarkan dari Syurga,

lalu dihantar ke dunia (Iyas, 2002; dan al-Jerrahi, 2009). Peristiwa ini telah tercatat di dalam *Al-Qur'an*, yang bermaksud, seperti berikut:

Hai Adam, diamlah oleh kamu dan isterimu di Syurga ini dan makanlah makanan-makanan yang banyak lagi baik di mana sahaja yang kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini yang akan menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang zalim. Lalu keduanya digelincirkan oleh Syaitan dari Syurga itu, dan Kami berfirman: "Turunlah kamu, sebahagian kamu menjadi musuh bagi yang lain, dan bagi kamu ada tempat kediaman di bumi dan kesenangan hidup sampai waktu yang ditentukan" (dalam al-Jerrahi, 2009).

Sejarah Nabi Adam dalam *Al-Qur'an* itu jelas bahawa Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) menunjukkan kuasa-Nya apabila mewujudkan makhluk manusia di Syurga dan kemudiannya diturunkan ke bumi sebagai khalifah-Nya. Sejarah ini juga secara tidak langsung menyanggah teori evolusi Charles Darwin, yang mengatakan bahawa asal-usul manusia berasal daripada monyet (dalam Katresna, 2015). Teori ini terang-terang bercanggah dengan ajaran Islam, kerana ia meletakkan martabat manusia setaraf dengan haiwan. Sedangkan dalam Islam, manusia adalah sebaik-baik makhluk yang dijadikan oleh Allah SWT, kerana mempunyai akal yang mampu membezakan antara yang baik dan buruk (PDI, 2005; dan Katresna, 2015).

Dalam menyanggah teori evolusi itu juga terdapat suara-suara nakal yang mempersoalkan, andaikata manusia berasal daripada monyet, kenapa monyet yang ada hingga sekarang tidak menjadi manusia? Kalau menurut teori evolusi Charles Darwin, sepatutnya monyet yang ada sudah bertukar kepada manusia. Dalam sejarah Nabi Adam itu juga jelas Allah SWT ingin menunjukkan iktibar

bahawa Iblis adalah musuh yang nyata kepada umat manusia. Oleh itu, mereka perlu berwaspada dengan godaannya (Iyas, 2002; dan Haryadi, 2012).

Selain itu, petikan firman di atas, Allah SWT telah memberitahu bahawa dalam kalangan manusia akan berlaku permusuhan dan pertikaian sesama mereka setelah diturunkan ke bumi. Apa yang dikatakan dalam *Al-Qur'an* memang benar dan terbukti, kerana dalam sejarah umat manusia, pertikaian dan peperangan sejak zaman silam sudah menjadi sebahagian daripada sejarah pahit dalam kehidupan manusia. Ia akan terus berlaku dan berlaku hingga kini. Puncanya tidak lain dan tidak bukan ialah rebutan kuasa politik, rebutan sumber ekonomi, dan terlalu mementingkan diri (Ahmad, 2004; dan PDI, 2005).

Dalam abad ke-20 sahaja, contohnya, masyarakat antarabangsa sudah dirempuh oleh dua kali Perang Dunia (1914-1918 dan 1939-1945), yang meninggalkan korban mencecah jutaan manusia, di samping kerugian harta benda yang tidak ternilai. Peperangan ini akan terus berlaku, jika manusia tidak mengambil iktibar daripada apa yang sudah berlaku. Jika Perang Dunia abad ke-21 tercetus, ada spekulasi mengatakan bahawa umat manusia akan pupus, kerana senjata nuklir yang digunakan boleh meranapkan dunia (Weech, 1976; Weinberg, 2005; Meyer, 2006; dan al-Rasyid, 2016).

Ruang lingkup sejarah Nabi-nabi dalam *Al-Qur'an*, yang boleh dikatakan menonjol dan sering diulang-ulang, ialah sejarah Nabi-nabi yang berusaha menyebarkan ajaran agama Allah SWT kepada raja-raja dan kaum-kaum mereka. Daripada sejarah itu memang Allah SWT telah menunjukkan kuasanya,

di samping melihatkan pengajaran-pengajaran yang boleh diambil dan matlamat utama Nabi-nabi diturunkan oleh Allah SWT (Amal, 2001; Shihab *et al.*, 2001; dan Alifuddin, 2009).

Nabi-nabi tersebut bukan sahaja menyebarkan perintah Allah SWT, tetapi juga mahu membetulkan akidah dan kepercayaan raja-raja dan kaum-kaum mereka yang telah terpesong. Mereka telah lari daripada menyembah Allah SWT, dan sebaliknya telah menyembah berhala dan patung-patung yang terang-terang tidak mempunyai apa-apa kuasa. Malahan lebih drastik lagi, ada di antara raja-raja ini mengaku diri mereka sebagai Tuhan, seperti yang dilakukan oleh Fir'aun (Zubeir, 2009; dan Ramadhan, 2016).

Dalam misi suci para Nabi itu, biasanya, mereka menghadapi tentangan daripada raja-raja dan kaumnya, kerana apa yang dibawa oleh Nabi-nabi dianggap sebagai sesat dan bertentangan dengan sosio-budaya mereka yang telah diamalkan secara turun-temurun. Mereka sudah tidak melihat unsur-unsur positif dan kebaikan-kebaikan terhadap ajaran yang dibawa oleh para Nabi. Kealpaan mereka itu berlaku, kerana jiwa mereka sudah terdinding oleh ajaran sesat yang sudah berakar umbi dalam masyarakat. Selain itu, raja-raja telah dilalaikan oleh harta kekayaan, kemewahan hidup yang melimpah-ruah, dan kuasa politik (al-Khalidy, 2000; dan Jawas, 2007).

Dalam usaha para Nabi menyebarkan ajaran Allah SWT itu ada di antara mereka beroleh kejayaan dalam misi dakwah mereka, dan tidak kurang pula yang gagal hingga Allah SWT perlu menunjukkan kuasa-Nya dengan memberikan pembalasan kepada raja-raja dan kaum-kaum yang ingkar tadi. Pembalasan dalam

bentuk bala, sama ada kedatangan banjir besar, kemarau panjang, gempa bumi yang dahsyat, mahupun serangan ribuan binatang kecil. Dari sini juga terdapatnya iktibar, sama ada ia ditunjukkan dalam bentuk tersurat mahupun tersirat (Stapa, 1999; dan al-Khalidy, 2000).

Sejarah para Nabi yang berjaya dalam misi dakwah mereka, di antaranya ialah sejarah Nabi Sulaiman dengan Ratu Balqis, yang memerintah Kerajaan Saba. Ratu ini dikatakan wujud sekitar 1000 hingga 950 SM (Sebelum Masihi). Kerajaan ini adalah sebuah kerajaan yang terkenal dengan kemakmurannya, kerana tanahnya yang subur. Penduduknya telah membina empangan di antara dua lembah gunung, yang dinamakan empangan Maarib. Empangan ini sudah tentu berperanan untuk menyediakan sumber minuman untuk penduduk Saba dan juga untuk mengairi tanam-tanaman mereka (Bahreisy, 1980; al-Khalidy, 2000; dan Padwisana, 2017).

Dengan kedudukan geografinya yang istimewa itu, maka penduduk negeri Saba mampu mengusahakan ladang-ladang pertanian yang luas. Ada ahli sejarah berpendapat bahawa empangan itu berupaya mengairi kawasan pertanian seluas 9,600 hektar. Oleh itu, dengan mudah mereka dapat menghasilkan sumber makanan yang melimpah-ruah (Najib, 2016; dan Padwisana, 2017). Empangan yang dicatat oleh *Al-Qur'an* itu ternyata memang wujud, sebagaimana pernah dibuktikan oleh dua orang sejarawan Barat, iaitu J. Holevy dari Perancis dan Glaser dari Austria, yang telah mengkaji dokumen bertulis loghat Himer (dalam Bahreisy, 1980; dan Najib, 2016).

Kemakmuran negeri Saba telah

dirakamkan oleh *Al-Qur'an*, yang bermaksud, seperti berikut:

Demi sesungguhnya adalah bagi penduduk negeri Saba' satu tanah yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kirinya.

Lalu dikatakan kepada mereka, "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; negeri kamu ini adalah negeri yang baik dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang amat pengampun!" (dalam Yahya, 2010).

Sungguhpun negeri Saba telah mendapat rahmat daripada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), namun Ratu Balqis dan rakyatnya tidak beriman kepada Allah SWT; sebaliknya, mereka menyembah matahari. Apabila Nabi Sulaiman mendapat tahu, lantas baginda melancarkan misi dakwahnya kepada Ratu Balqis supaya mengubah kepercayaannya daripada menyembah matahari kepada mengabdikan diri kepada Allah SWT (al-Khalidy, 2000; Najib, 2016; dan Padwisana, 2017).

Misi dakwah Nabi Sulaiman kepada Ratu Balqis tercatat dalam *Al-Qur'an*, yang bermaksud, seperti berikut:

Pergilah dengan (membawa) suratku ini, lalu jatuhkan kepada mereka, kemudian berpalinglah dari mereka, lalu perhatikanlah apa yang mereka bicarakan. Berkata ia (Balqis), "Hai pembesar-pembesar, sesungguhnya telah dijatuhkan kepadaku surat yang mulia. Sesungguhnya, surat itu dari Sulaiman dan sesungguhnya (isi)-nya dengan menyebut nama Allah Subhanahu wa-Ta'ala, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Bahawa janganlah kamu sekalian berlaku sombong terhadap-Ku dan datanglah kepada-Ku sebagai orang-orang yang berserah diri".

Berkata dia (Balqis), "Hai pembesar-pembesarku, berilah aku pertimbangan dalam urusanku (ini), aku tidak pernah memutuskan sesuatu persoalan sebelum kamu berada dalam (majlis)-ku". Mereka menjawab, "Kita

adalah orang-orang yang memiliki kekuatan dan (juga) memiliki keberanian yang sangat (dalam peperangan), dan keputusan berada di tanganmu, maka pertimbangkanlah apa yang kami perintahkan”.¹

Akhirnya, Nabi Sulaiman berjaya mengubah akidah Ratu Balqis bersama rakyatnya kepada akidah yang betul. Mereka berdua juga telah berkahwin. Dalam *Al-Qur'an* diceritakan bahawa Nabi Sulaiman adalah seorang Nabi yang memiliki takhta kerajaan yang gilang-gemilang dan mempunyai istana yang indah dan berteknologi tinggi. Lantaran itu, baginda amat digeruni bukan sahaja oleh manusia tetapi juga oleh para Jin. Baginda juga boleh memahami bahasa binatang. Semua itu adalah hasil kurnia Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) kepada Nabi Sulaiman. Daripada peristiwa itu juga jelas menunjukkan pengajaran bahawa kekuasaan dan kekuatan politik diperlukan dalam menjayakan misi dakwah seorang Nabi (al-Khalidy, 2000; Najib, 2016; dan Padwisana, 2017).

Selain misi-misi dakwah yang berjaya dilaksanakan oleh para Nabi dalam *Al-Qur'an*, juga dipaparkan kegagalan kegiatan dakwah oleh mereka. Sungguhpun para Nabi mempunyai kelebihan dan mukjizat yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Hal ini boleh dilihat dalam sejarah Nabi Nuh dengan kaumnya, Nabi Luth dengan kaum Sadum, Nabi Salleh dengan kaum Thamud, Nabi Syuaib dengan kaum Madyan, Nabi Musa dengan Fir'aun, dan Nabi Ibrahim dengan kaumnya (Bahreisy, 1980; dan al-Khalidy, 2000).

Dalam sejarah Nabi Musa dengan Fir'aun, contohnya, telah dipaparkan

¹Lihat, contohnya, Surah Saba, Ayat 15-16; dan Surah An-Naml, Ayat 28-23 dalam *Al-Qur'an*, sepertimana dipetik oleh Harun Yahya (2010:118 dan 127).

bagaimana gerakan dakwah Nabi Musa telah mendapat hambatan dan rintangan yang hebat. Fir'aun dan pengikutnya menganggap ajaran yang baginda bawa tidak lebih daripada ilmu sihir, bukannya agama wahyu. Meskipun Nabi Musa sudah membuktikan bahawa baginda adalah seorang Nabi yang diutus oleh Allah SWT. Baginda telah membuktikan melalui mukjizat tongkat baginda menjadi ular, yang menelan ular-ular para ahli sihir Fir'aun. Ahli-ahli sihir itu akhirnya mengakui kebenaran agama yang dibawa oleh Nabi Musa (Bahreisy, 1980; al-Khalidy, 2000; dan Ramadhan, 2016).

Bagaimanapun, Fir'aun dan kaumnya tetap beranggapan bahawa ajaran nenek-moyang mereka yang menyembah berhala adalah benar. Oleh itu, mereka mahu membunuh Nabi Musa dan pengikut baginda dalam satu peristiwa kejar-mengejar, sebagaimana yang dipaparkan dalam *Al-Qur'an*, yang bermaksud, seperti berikut:

Dan Kami mungkinkan Bani Israil melintasi laut, selain mereka diikuti oleh Fir'aun dan bala tenteranya, kerana hendak menganiaya dan menindas, hingga bila Fir'aun itu telah hampir tenggelam berkatalah dia, “Saya percaya bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala, yang dipercayai oleh Bani Israil, dan saya termasuk orang-orang yang berserah diri (kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala)”.²

Daripada petikan di atas, jelas bahawa Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) telah menunjukkan kekuasaan-Nya dengan membolehkan Bani Israil melintasi laut tanpa tenggelam. Sedangkan apabila giliran Fir'aun dan bala tenteranya, mereka semua telah ditenggelamkan. Apabila Fir'aun ditimpa bala dengan tenggelam

²Lihat, contohnya, *Al-Qur'an dan Terjemahan*. Jakarta, Indonesia: CV Toha Putra Semarang, 1987, ms.320.

di dalam laut, barulah ia bersedia untuk mengaku bahawa Allah SWT itu adalah Tuhannya. Peristiwa itu jelas bahawa Allah SWT, melalui sejarah dalam *Al-Qur'an*, ingin menunjukkan iktibar (Bahreisy, 1980; al-Khalidy, 2000; dan Ramadhan, 2016).

Sebelum ditimpa bala, Fir'aun dan pengikutnya tidak mahu menerima ajaran yang dibawa oleh Nabi Musa; sebaliknya, ia mengaku dirinya sebagai Tuhan. Sifat yang tergambar kepada Fir'aun ini memang merupakan sifat-sifat yang biasa terdapat kepada sesetengah golongan manusia, setelah mereka mendapat kenikmatan seperti kekayaan harta benda dan kekuasaan. Manusia-manusia seperti ini lazimnya mudah lupa dengan apa yang mereka perolehi, lantas timbul rasa sombong dan angkuh.

Mereka juga telah alpa bahawa kekayaan dan kuasa itu adalah ujian dan amanah Allah SWT. Mereka sepatutnya bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Sebaliknya, mereka lupa, bahkan ada yang menggunakan kekayaan dan kuasa untuk bermegah-megah dan menindas golongan lemah. Mereka hanya sedar daripada kesombongan dan keangkuhan itu setelah ditimpa kesusahan dan bala bencana, pada saat mana barulah mereka tahu bahawa Tuhan amat berkuasa (Ramadhan, 2016).

Selain sejarah Nabi Musa, sebagai sejarah penentangan kaumnya dan gerakan dakwah yang kurang berhasil, *Al-Qur'an* juga memaparkan ruang lingkup yang sama terhadap Nabi Luth dengan kaum Sadum. Kaum ini telah melakukan perbuatan keji, dengan melakukan persetubuhan dengan kaum sejenis, atau juga dikenali sebagai liwat, iaitu antara lelaki dengan lelaki. Nabi Luth telah melarang kaumnya supaya jangan

melakukan perbuatan terkutuk itu, tetapi tidak diendahkan. Mereka telah melanggar norma-norma biasa dalam pergaulan seksual, yang sepatutnya dilakukan antara kaum lelaki dan perempuan dalam ikatan yang dibenarkan oleh agama (Bahreisy, 1980; al-Khalidy, 2000; Yahya, 2010; dan Hanum, 2014).

Oleh itu, pada akhirnya, Allah SWT telah menurunkan bala kepada kaum Sadum dengan menunggangbalikkan negeri mereka. Dengan kata lain, mereka telah ditimpa kejadian gempa bumi yang dahsyat. Hanya Nabi Luth dan orang-orang beriman yang terselamat dari bala itu.³

Daripada catatan sejarah *Al-Qur'an* menunjukkan bahawa kegiatan liwat dalam sejarah manusia bukanlah sesuatu yang baru, bahkan ia sudah dilakukan oleh umat-umat terdahulu. Allah SWT ingin menunjukkan pengajaran bahawa perbuatan itu memang dilarang keras, kerana ia boleh mendatangkan bencana dalam kehidupan manusia. Namun, manusia tetap degil dan perkara terkutuk itu sentiasa berlaku, bahkan semakin kronik hingga kini. Hal ini boleh dilihat apabila sebahagian negara-negara Barat telah menghalalkan perkahwinan sejenis atas alasan hak asasi manusia. Kelakuan itu bukan sahaja mendatangkan berbagai jenis penyakit yang tiada ubatnya, bahkan ia boleh merosakan rantaian keturunan manusia (Rizal, 2016).

Begitu juga dengan sejarah Nabi Nuh, yang menyeru kaumnya supaya beriman kepada Allah SWT. Namun, mereka tetap berdegil dan akhirnya Nabi Nuh diperintahkan oleh Allah SWT untuk

³Sila lihat dan bandingkan, *Al-Qur'an dan Terjemahan*. Jakarta CV Toha Putra Semarang, 1987, ms.340; dan Harun Yahya (2010:43-45).

membina sebuah bahtera yang besar bagi menyelamatkan dirinya dan para pengikutnya daripada bahaya banjir besar yang bakal diturunkan oleh Allah SWT. Ia sebagai balasan daripada keengkaran kaum Nabi Nuh untuk mematuhi perintah Allah SWT (Bahreisy, 1980; al-Khalidy, 2000; Yahya, 2010; dan Alghiffary, 2016).

Nabi Nuh boleh dikatakan seorang Nabi yang gagal dalam misi dakwahnya, apabila dikatakan baginda hanya berjaya mendakwah kaumnya tidak lebih daripada 100 orang dalam tempoh 950 tahun. Bahkan anak baginda sendiri tidak mahu mengikut ajaran yang baginda bawa. Akhirnya, anak Nabi Nuh yang tidak beriman itu mati lemas dalam peristiwa banjir besar bersejarah, sebagai satu daripada bala dari Allah SWT. Daripada sejarah Nabi Nuh, yang terdapat dalam *Al-Qur'an*, Allah SWT sebenarnya sentiasa menguji umat manusia, termasuk para Nabi dan Rasul, sebelum mereka dikatakan benar-benar beriman. Ujian-ujian itu tidak sama di antara manusia, ada yang berat dan ada yang ringan (al-Khalidy, 2000; dan Alghiffary, 2016).

Bagi Nabi Nuh, baginda telah diuji dengan ujian berat apabila anaknya tidak mahu menerima ajaran yang baginda bawa. Ia dikatakan sebagai ujian berat, kerana Nabi Nuh sebagai seorang ayah, mana mungkin baginda tidak menyayangi anak baginda. Begitu juga dengan Nabi Ayub, yang ditimpakan penyakit; Nabi Yusof diuji dengan fitnah wanita; dan yang tidak kurang menerima ujian juga ialah Rasulullah Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*). Sebab itu, baginda tergolong sebagai orang sabar dan tabah, kerana berjaya menempuh berbagai-bagai ujian berat (Hawwa, 2002; dan Patmawati, 2013).

Bagaimanapun, kebanyakan orang melihat ujian Allah SWT itu hanya berlaku dalam bentuk bencana. Tanggapan ini silap, kerana Allah SWT juga boleh menguji dalam bentuk kesenangan. Sebagai contoh, seseorang yang memperolehi kekayaan harta benda. Jika kekayaannya itu digunakan untuk menurut perintah Allah SWT, ia sudah mencapai kejayaan dalam ujiannya dengan Allah SWT; tetapi jika sebaliknya, bererti ia telah gagal dalam ujian itu. Malah kekayaan yang digunakan untuk bermegah-megah dan menunjuk-menunjuk boleh dikatakan telah menjadi bala kepada pemilikinya. Ia menjadi bala, kerana perbuatannya itu memang dibenci oleh Allah SWT (Bahreisy, 1980; al-Khalidy, 2000; dan Yahya, 2010).

Dalam sejarah Nabi Nuh, juga Allah SWT ingin menunjukkan iktibar bahawa sesuatu yang tidak logik pada akal manusia, tetapi ia boleh logik pada pandangan Allah SWT. Tindakan Nabi Nuh membina kapal di tengah-tengah padang pasir adalah sesuatu perbuatan yang tidak boleh diterima oleh akal yang waras. Pembinaan kapal itu biasanya berlaku pada tempat-tempat yang berdekatan dengan laut atau tebing-tebing sungai. Namun, bagi Allah SWT perkara itu bukanlah satu masalah, bahkan Nabi Nuh telah diperintahkan berbuat demikian kerana telah diberitahu oleh Allah SWT bahawa banjir besar akan berlaku (*cf* Mubarak, 1996:36-40; Ahmad, 2004:54; dan Yahya, 2010:9-10).

Menerusi ruang lingkup sejarah para Nabi terpapar juga cerita-cerita ghaib. Kebenaran peristiwa seperti itu pada asasnya memang ditolak bulat-bulat oleh ahli sejarah sekular, terutama dari Barat, yang tidak mempercayai

kewujudan Tuhan dan hal-hal ghaib. Sikap ini jelas diutarakan oleh Voltaire, yang pernah mengatakan jangan percaya kepada perkara-perkara yang tidak jelas dan nyata. Mereka juga beranggapan bahawa peristiwa seperti itu tidak lebih daripada cerita mitos dan dongeng untuk membesar-membesarkan ketokohan seorang Nabi atau Rasul (*cf* Rashid, 2007; Neuwirth *et al.*, 2010; dan Lestari, 2014).

Bagaimanapun, pandangan ini tidak boleh diterima oleh penganut agama Islam, kerana dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* memang terdapat peristiwa-peristiwa bersejarah yang boleh dikatakan ghaib, kurang jelas, dan sukar untuk diterima dengan akal pemikiran manusia biasa. Sebagai contoh, peristiwa sejarah Nabi Adam dengan Iblis di Syurga; kelebihan Nabi Sulaiman memahami kata-kata binatang dan menguasai golongan Jin; kelahiran Nabi Isa tanpa ayah; serta mukjizat-mukjizat Nabi Muhammad SAW membelah bulan dan peristiwa Isra dan Mikraj (Bahreisy, 1980; Haji Alias, 1996; dan al-Khalidy, 2000).

Bagi umat Islam, apa sahaja yang terkandung dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* merupakan sesuatu yang wajib dipercayai. Perkara yang tidak boleh diterima oleh akal manusia bukan satu perkara yang penting, justeru akal manusia itu mempunyai batas-batas tertentu untuk menjangkau atau memikirkan sesuatu yang dicipta oleh Allah SWT. Di sini juga terletaknya kebesaran kuasa Allah SWT. Dalam kehidupan harian manusia, sama ada disedari atau tidak, sebenarnya banyak benda-benda yang tidak nampak, tetapi diakui kewujudannya (Ash-Shiddiqiey, 1987; Azami, 2005; dan Rashid, 2007).

Dalam hal ini boleh dilihat kuasa Allah SWT apabila ada benda-benda yang tidak

nampak, tetapi diakui kewujudannya seperti oksigen. Tanpa gas ini kebanyakan kehidupan akan mati. Selain itu, ada pula benda yang tidak nampak tetapi boleh dirasakan, seperti hembusan angin, udara panas, dan sejuk. Sementara itu, ada pula benda boleh dilihat dan dirasakan, tetapi tidak boleh dipegang seperti api. Semua fenomena itu jelas jika difikirkan secara mendalam, ia adalah gambaran kuasa Allah SWT (Haji Alias, 1996; dan Ash-Shiddiqiey, 1987).

Al-Qur'an, dalam menunjukkan adanya ilmu sejarah, juga telah memaparkan ruang lingkup sejarah tokoh-tokoh terkenal, seperti kisah Iskandar Zulkarnain. Kisah tokoh ini diterangkan di dalam *Al-Qur'an*, yang bermaksud, seperti berikut:

Dan mereka bertanya kepada mu (wahai Muhammad) mengenai Zulkarnain. Katakanlah, Aku akan bacakan kepadamu (wahyu dari Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang menerangkan) sedikit tentang perihalnya. Sesungguhnya, Kami telah memberikan kepadanya kawasan memerintah di bumi, dan Kami berikan kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya. Lalu ia menurut jalan (yang menyampaikan maksudnya). Sehingga apabila ia sampai di daerah matahari terbenam, ia mendapatinya ia terbenam di sebuah mata air yang hitam berlumpur.

Dan ia dapati di sisinya satu kaum (yang kafir). Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya), "Wahai Zulkarnain, pilihlah sama ada engkau hendak menyeksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka".⁴

Kisah ketokohan Iskandar Zulkarnain tidak hanya dicatatkan dalam *Al-Qur'an*, bahkan juga terdapat dalam pensejarahan atau historiografi Barat, yang telah

⁴Lihat, contohnya, Surah Al-Kahfi, Ayat 83-85 dalam *Al-Qur'an dan Terjemahan*. Jakarta, Indonesia: CV Toha Putra Semarang, 1987.

menceritakan tentang bagaimana Iskandar Zulkarnain berjaya meluaskan jajahan takluknya dalam masa yang singkat. Oleh kerana kejayaannya itu, maka beliau telah mendapat gelar sebagai “Alexander the Great” (Weech, 1976; dan Collingwood, 1985).

Sungguhpun ada sarjana yang mempersoalkan bahawa Iskandar Zulkarnain yang terdapat dalam *Al-Qur'an* tidak sama dengan apa yang terdapat dalam lembaran sejarah Barat, namun perkara ini belum muktamad atau final. Ia masih memerlukan kajian-kajian yang lanjut. Dalam sejarah Barat mencatatkan mengenai sejarah Iskandar Zulkarnain bahawa ketika beliau berusia dalam lingkungan dua puluh tahun, beliau telah menaiki takhta menggantikan ayahnya. Daripada sebelah ibunya, beliau telah mewarisi sifat sombong dan penuh emosi. Sementara sifat-sifat bijaksana dalam bidang politik dan kemahiran dalam pertempuran telah diwarisi daripada ayahnya (Hussain, 1967; Weech, 1976:208; dan Noor, 2011).

Semasa berusia lapan belas tahun, beliau telah mengetuai angkatan tentera berkuda kerajaan ayahnya, Makedonia, dan berjaya menumpaskan angkatan tentera dari Thebes. Dengan pencapaian itu, beliau telah mendapat sanjungan yang tinggi daripada penduduk Makedonia. Bagi memastikan ekspedisi ketenteraannya berjalan lancar, beliau sentiasa mengambil perhatian kesihatan tenteranya. Negara-negara yang telah berjaya dikuasainya adalah seperti: Utara Mesir, Pisidia (mungkin benua Eropah pada masa ini), Parsi, Afghanistan, dan India (Hussain, 1967; dan Weech, 1976:208-212).

Oleh kerana ketokohan dan karisma Iskandar Zulkarnain ini, maka raja-raja

di Alam Melayu, termasuklah Kesultanan Brunei, telah cuba mengaitkan geneologi mereka dengan tokoh tersebut. Biarpun tidak ada kepastian berkenaan persamaan dengan Iskandar Zulkarnain yang dimaksudkan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) dalam *Al-Qur'an*, tetapi berlandaskan beberapa peristiwa yang berlaku dalam teks-teks tradisi Melayu menunjukkan bahawa tokoh-tokoh itu merujuk kepada orang yang sama. Peristiwa kewibawaan Iskandar Zulkarnain itu jelas terpapar dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* (Hussain, 1967; Daud, 1989:90-91; Abdullah, 2005; dan Noor, 2011).

Dalam ruang lingkup sejarah Nabi dan Rasul bersumberkan *Al-Hadith* bukan sahaja menceritakan peristiwa-peristiwa besar, seperti peperangan, penaklukan negeri, perlembagaan Madinah, dan perjanjian Hudaibiyah, tetapi juga sejarah-sejarah yang melibatkan Rasulullah sendiri dengan berbagai-bagai lapisan masyarakatnya. Peperangan berlaku dalam sejarah Rasulullah, kerana Baginda perlu mempertahankan diri daripada serangan musuh-musuh Baginda. Sebagai contoh, Perang Badar yang terjadi pada zaman Baginda merupakan peperangan yang pertama dalam sejarah Islam. Ia bermula apabila Abdullah ibni Jahesy al-Asadi ke Nakhlak, iaitu sebuah tempat terletak di perbatasan antara Tha'if dan Makkah (Bahreisy, 1980; Hawwa, 2002; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013).

Baginda bersama dua belas orang sahabat daripada kaum Muhajirin merancang hendak menyekat perjalanan kafilah kaum Quraisy, yang datang dari Tha'if. Rombongan itu membawa muatan barang-barang dagangan menuju kota Makkah. Rancangan sekatan

dilakukan kerana masyarakat Quraisy Makkah sentiasa menunjukkan rasa permusuhan terhadap orang-orang Islam (Hawwa, 2002; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013).

Bagaimanapun, kumpulan yang diketuai oleh Abdullah ibni Jaesy al-Asadi telah melakukan kesilapan apabila Waqid ibni Abdullah Attaimi, salah seorang anggota kumpulan, telah melepaskan anak panah kepada rombongan Quraisy yang hendak disekat itu. Anak panah Waqid ibni Abdullah Attaimi itu telah mengorbankan Am'r ibni Alhadrami. Sementara ahli-ahli kafilah Quraisy yang terselamat telah berjaya melepaskan diri. Apabila berita kejadian itu sampai ke pengetahuan Rasulullah, Baginda sangat marah kerana Waqid ibni Abdullah Attaimi telah melakukan pembunuhan di bulan Rejab, satu bulan yang diharamkan berperang (Bahreisy, 1980; Hawwa, 2002; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013).

Tatkala berita peristiwa berdarah itu tersebar dalam kalangan kaum Musyrikin Quraisy di Makkah, ia telah membangkitkan kemarahan dan rasa dendam. Pada masa yang sama, Rasulullah mendapat tahu tentang rombongan kafilah Abu Sufyan yang datang dari Syam. Oleh yang demikian, Rasulullah telah mengatur strategi dengan mengumpulkan bala tenteranya bagi menyekat perjalanan Abu Sufyan. Berita Rasulullah sedang mengumpulkan kekuatan tenteranya telah sampai ke telinga Abu Sufyan, lantas beliau menghantar seorang utusan ke Makkah bagi mendapatkan bantuan daripada penyokong-penyokong beliau di sana (Bahreisy, 1980:455-457; Hawwa, 2002; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013).

Kaum Quraisy di Makkah pada ketika

itu sedang giat mengumpulkan tenteranya. Sementara itu, kafilah Abu Sufyan telah mengambil langkah dengan mengubah haluan perjalanannya ke tempat lain. Ini menyebabkan rombongan kafilah Abu Sufyan berjaya mengelak diri daripada sekatan angkatan Rasullullah tadi. Sebaik-baik sahaja Abu Sufyan sampai ke Makkah, perpecahan telah berlaku dalam kalangan kaum Musyrikin Quraisy, kerana kumpulan Abu Sufyan mahukan perdamaian dicapai dengan Rasulullah, sementara kumpulan Abu Jahal enggan menerima pandangan itu dan, sebaliknya, mereka ingin meneruskan peperangan (Hawwa, 2002; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013).

Dengan itu, kumpulan Abu Jahal yang degil pun meneruskan rancangan untuk berperang dengan bergerak menuju ke kawasan Badar (Bahreisy, 1980:458-462; Hawwa, 2002; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013). Rasulullah dengan hanya tenteranya seramai 300 orang, dengan bertawakal kepada Allah SWT, terus menghadapi tentera Quraisy yang mempunyai bilangan yang lebih ramai, yang dikatakan sekitar 1,000 orang. Bagaimanapun, dalam peperangan itu kemenangan telah berpihak kepada angkatan Islam di bawah kepemimpinan Rasulullah (Bahreisy, 1980:463; Hawwa, 2002; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013).

Daripada peristiwa itu jelas Allah SWT ingin menunjukkan kuasa-Nya, apabila tentera Islam yang jumlahnya lebih kecil mampu menewaskan kumpulan yang lebih besar. Sementara itu, kisah Perang Badar pula boleh diambil pengajaran bahawa kekuatan iman seseorang adalah penting dalam menghadapi musuh-musuh Islam. Biarpun mempunyai tentera yang

sedikit, namun dengan adanya keteguhan iman, maka pertolongan Allah SWT akan datang untuk menumpaskan musuh-musuh Islam (Mubarak, 1996; PDI, 2005; dan Patmawati, 2013).

Selain itu, kebijaksanaan Rasulullah dalam mengatur nasib tawanan-tawanan perang juga boleh dijadikan iktibar. Bagi mereka yang berhajat hendak membebaskan diri dikenakan syarat-syarat tertentu oleh Rasulullah. Bagi tawanan perang yang berkemampuan dari segi kewangan, dikenakan denda dengan membayar di antara 1,000 Dirham ke 3,000 Dirham. Sementara tawanan perang yang tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, tetapi mempunyai kepandaian, mereka juga boleh bebas dengan syarat mengajar sepuluh kanak-kanak masyarakat Islam di Madinah sampai pandai (Bahreisy, 1980:464; Hawwa, 2002; Patmawati, 2013; dan Ridzuan, Kadir & Mohamed, 2013).

Tindakan Rasulullah itu mencerminkan bahawa agama Islam adalah agama toleransi dan bertimbang rasa, bukannya agama ganas dan kejam, sepertimana yang dipaparkan oleh media-media Barat hari ini (Hussain, 1996; Stapa, 1999; Ibrahim, 2000; dan Yusof, 2000). Sebahagian umat Islam hari ini telah ditindas dengan kejam oleh golongan bukan Islam, sepertimana yang berlaku di Palestin, India, Selatan Thailand, Mindanao di Selatan Filipina, dan terbaru masyarakat Islam Rohingya di Myanmar (*cf* Pitsuwan, 1989; Cooley, 2002; Yegar, 2002; Kettani, 2005; dan Nor, 2010).

Bagaimanapun, apabila mereka itu bangkit berjuang untuk menegakan keadilan, mereka dianggap sebagai “pengganas”. Sedangkan negara-negara yang melanggar dan menyerang negara

Islam tanpa kelulusan daripada PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) tidak dianggap pengganas, malah dianggap sebagai pejuang kebebasan dan penegak demokrasi dunia. Dakwaan seperti itu hanya buta belaka, kerana demi menutupi kesalahan yang mereka lakukan; fakta-fakta sejarah telah diputar-belit demi menegakan benang yang basah (Noordin, 1997; dan Mas’od, 2012).

Hubungan ilmu sejarah dalam *Al-Qur’an* dan *Al-Hadith* juga melihatkan adanya hukum sejarah. Hukum ini bermaksud bahawa setiap permulaan peristiwa sejarah, ianya akan berakhir. Hukum demikian pernah dicituskan oleh Ibnu Khaldun (2015), yang mengatakan bahawa setiap sejarah kerajaan dalam dunia ini biasanya mempunyai hukum yang sama. Setiap kerajaan akan bermula dengan kerajaan yang kecil. Kemudian ia akan menjadi kuat, kerana rajanya pandai mentadbir negara hingga mempunyai ekonomi dan ketenteraan yang kuat. Kegemilangan itu akan diteruskan oleh raja yang berikutnya. Akan tetapi selepas itu, kerajaan akan mula lemah kerana pemerintahan raja seterusnya tidak lagi begitu kuat, sebab dilalaikan oleh kemewahan. Akhimya kerajaan itu pun akan pupus. Kemudian ia akan diganti lagi oleh raja yang lain; dan pusingan hukumnya juga akan berlaku seperti raja sebelum itu (*cf* al-Na’miy, 1994; Abdullah, 2004; dan Khaldun 2015).

Manakala itu, sejarah dalam *Al-Qur’an* dan *Al-Hadith* ialah kemunculan hari Kiamat apabila semua hidupan di alam maya ini menghadapi kehancuran. Mereka akan diadili di padang Mahsyar. Antara kisah-kisah hari Kiamat telah dipaparkan dalam *Al-Qur’an* ialah tiupan sangkakala, hancurnya dunia, adanya timbangan

amalan (*al-mizan*), titian (*sirat*), dan *syafaat* daripada Rasulullah (Badiwi, 1995:39-43; dan Azami, 2005). Semua itu tidak lain dan tidak bukan ialah cerminan daripada kuasa Allah SWT juga.

KESIMPULAN ⁵

Tidak dapat disangkal lagi bahawa *Al-Qur'an* selaku *kalamullah* memang mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan, tidak terkecuali dengan ilmu sejarah. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam juga menghargai peristiwa-peristiwa bersejarah, sepertimana yang terakam dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith*. Malahan, kewujudan kedua-dua sumber utama Islam sejak 1500 tahun yang lalu itu telah juga menggambarkan peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada masa akan datang, khususnya kejadian hari Kiamat.

Daripada sejarah ini sudah seharusnya ia menjadi pengajaran dan peringatan kepada umat Islam dan manusia sejagat. Terutama sejarah kaum-kaum yang menolak dakwah para Nabi. Mereka juga mempamerkan rasa benci terhadap para Nabi. Penentangan yang mereka lembarkan itu telah mendatangkan kemurkaan daripada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Di sinilah Allah SWT menunjukkan kuasa-Nya dengan menimpakan berbagai-bagai bala bencana kepada kaum-kaum yang ingkar itu dalam

bentuk gempa bumi dan banjir besar.

Pada zaman moden ini, mendapati sejarah yang terdapat dalam *Al-Qur'an* terbukti benar. Contohnya, kejadian gempa bumi zaman Nabi Luth yang tercatat dalam *Al-Qur'an* telah ditemui kesan-kesannya di Laut Mati, Jordan, oleh pakar-pakar arkeologi. Kemusnahan kaum Nabi Luth ini hampir sama dengan kemusnahan Pompeii, iaitu simbol keruntuhan Empayar Romawi yang pernah terlibat dengan kegiatan seks yang melampaui batas. Pompeii telah hancur akibat letupan gunung berapi Vesuvius.

Meskipun lembaran sejarah yang tercatat dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* sudah menjangkau beribu tahun dan hingga kini sudah banyak kemajuan yang dicapai dalam tamadun manusia, yang terakhir ledakan teknologi maklumat hingga meletakan kehidupan manusia tanpa sempadan, namun yang tidak banyak berubah ialah kegiatan yang bertentangan dengan kehendak Allah SWT. Nilai-nilai negatif seperti yang terdapat dalam sejarah *Al-Qur'an*, dalam kalangan manusia hari ini masih wujud dan berleluasa. Sebagai contoh, terdapat masyarakat hari ini melakukan penipuan dalam sukatan, seperti yang dilakukan oleh kaum Thamud, yang melakukan penipuan, pemalsuan, menindas, dan zalim.

Selain itu, wujud komuniti homoseksual yang melakukan seks sumbang dan keterlaluan, bahkan oleh sesetengah negara, mereka ini dilindungi oleh undang-undang. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa manusia hari ini masih belum mahu mengambil iktibar daripada apa yang berlaku kepada kaum-kaum terdahulu. Mereka tidak terfikir dan takut perkara ini akan mengundang bala dan

⁵*Sebuah Rakaman*: Artikel ini, sebelum dikemaskini dalam bentuknya sekarang, pernah diterbitkan sebagai bagian bab dalam buku *Pensejarahan Brunei: Islam dan Evolusi Sosial* (Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2017), yang saya tulis. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Andi Suwirta, M.Hum., pensyarah kanan di Departemen Pendidikan Sejarah UPI (Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, yang mahukan mengedit-semak semula dan mengemas kini artikel ini untuk diterbitkan dalam sebuah jurnal akademik di Indonesia. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini tidak ada kena-mengena dengan sesiapa pun juga, tetapi ianya kekal menjadi tanggung jawab akademik saya secara persendirian.

bencana daripada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Berkuasa.⁶

Referensi

- Abdullah, Alwi. (2005). *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisma dan Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn Bhd.
- Abdullah, Yusri Abdul Ghani. (2004). *Historiografi Islam: Dari Klasik hingga Modern*. Jakarta : PT Raja Grafindo Persada.
- Addariny, Musyafa. (2015). "Harus Seimbang antara Mencari Dunia dan Akhirat?". Wujud dalam online di: <https://muslim.or.id/25678-harus-seimbang-antara-mencari-dunia-dan-akhirat.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Ahmad, Shopuan Anuar. (2004). *Apa Perlunya Tuhan & Agama*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- al-Farisi, Rudi Arlan. (2017). "Hubungan Al-Hadits dengan Al-Qur'an". Wujud dalam online di: <http://www.fiqhislam.com/ulumul-hadits/fiqhislam/ulumul-hadits/hubungan-hadits-dengan-al-quran> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20hb Mei 2017].
- Alghiffary, Muhammad. (2016). "Makna Semiosis Kisah Nabi Nuh dalam Al-Qur'an: Kajian Semiotika Umberto Eco". *Tesis Magister Tidak Diterbitkan*. Yogyakarta, Indonesia: Pascasarjana UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Kalijaga. Wujud dalam online juga di: <http://digilib.uin-suka.ac.id/22860/1/1420510093> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Alifuddin, Muhammad. (2009). *Sejarah dan Pengantar 'Ulumul al-Qur'an*. Jakarta: Penerbit Yayasan Sipakarannu Nusantara. Wujud dalam online juga di: <https://alifquantum.files.wordpress.com/2016/12/sejarah-dan-pengantar-ulum-al-quran1.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20hb Mei 2017].
- al-Jerrahi, Syaikh Muzaffer Ozak. (2009). *Allah, Nabi Adam, dan Siti Hawa*. Bandung: Pustaka Hidayah, cetakan ke-1, terjemahan Luqman Hakim.
- al-Khalidy, Shalah. (2000). *Kisah-kisah Al-Qur'an: Pelajaran dari Orang-orang Dahulu*. Jakarta: Gema Insani Press, cetakan ke-3, terjemahan Setiawan Budi Utomo.
- al-Na'miy, Abdullah al-Amin. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qur'an dan Terjemahan*. (1987). Jakarta, Indonesia: CV Toha Putra Semarang.
- al-Rasyid, Faisal Machmud. (2016). "Perang Dunia ke-3 Diambang Pintu: Dunia Kembali ke Peradaban Kuno". Wujud dalam online di: <https://www.kompasiana.com/abangeutanyo/perang-dunia-ke-3-diambang-pintu> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Amal, Taufik Adnan. (2001). *Rekonstruksi Sejarah Al-Qur'an*. Yogyakarta: Penerbit FKBA.
- Ash-Shiddiqey, T.M. Hasbie. (1987). *Sejarah dan Pengantar Ilmu Al-Qur'an/Tafsir*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- at-Tamimi, Abuya Ashaari Muhammad. (2007). "Kuliah Tafsiran Ummiy: Rasulullah itu Ummiy, Ummiy Bukan Buta Huruf". Wujud dalam online di: <https://aboutmiracle.wordpress.com/2007/07/13/nabi-muhammad-saw-adalah-rasul-yang-ummi> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Azami, Muhammad Mustafa. (2005). *Sejarah Teks Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn Bhd., terjemahan M. Sohirin *et al*.
- Badiwi, Al-Adib Yusuf 'Ali. (1995). *Huru-Hara Kiamat Menurut Al-Qur'an dan Al-Haditli*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Bahreisy, H. Salim. (1980). *Sejarah Hidup Nabi-nabi*. Surabaya: Penerbit PT Bina Ilmu.
- Collingwood, R.G. (1985). *Idea Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- Cooley, J. (2002). *Unholy Wars: Afghanistan, America, and International Terrorism*. London: Pluto Press.
- Daud, Haron. (1989). *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denzin, Norman K. (2008). "Evolution of Qualitative Research" in Lisa M. Given [ed]. *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*, Volumes 1 & 2. Los Angeles, London, New Delhi, and Singapore: A SAGE Reference Publication.
- Haji Alias, Haji Johari. (1996). *Perkara Asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Hanum, Zuraidha. (2014). "Kisah Kaum-kaum yang Dihancurkan dalam Al-Qur'an: Pendekatan Filsafat Sejarah Ibnu Khaldun". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Yogyakarta, Indonesia: Jurusan Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin dan Pemikiran Islam UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Kalijaga. Wujud dalam online juga di: <http://>

⁶**Kenyataan:** Saya, dengan ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah dapatan pemikiran dan kajian saya secara persendirian, ianya bukan karya plagiat, memandangkan semua sumber rujukan yang saya petik dalam analisis dan perbincangan adalah wujud secara penuh dan betul dalam senarai Referensi. Saya juga menyatakan bahawa artikel ini belum pernah dihantar, diwasit, dan diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik yang lain, samada di Brunei Darussalam mahupun di luar negara.

- digilib.uin-suka.ac.id/11788/1/BAB [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Haryadi, Putra. (2012). "10 Permintaan Iblis kepada Allah SWT". Wujud dalam online di: <https://www.kompasiana.com/kimbury/10-permintaan-iblis-kepada-allah-swT> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Hawwa, Sa'id. (2002). *Ar-Rasul Muhammad SAW*. Solo, Indonesia: Media Insani Press, terjemahan Jasiman et al.
- Hussain, Khalid. (1967). *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain, Mohd Yusof. (1996). "Globalisasi Media Massa dan Teknologi Maklumat: Cabaran para Pendakwah". *Kertas Kerja dalam Ijtima' Ulama se-Malaysia kali ke-8 di Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, pada 26hb Oktober*.
- Ibrahim, Mohd Yusoff. (1975). *Pengertian Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Syed Mahadzir Syed. (2000). "Sikap Masyarakat dalam Menghadapi Karenah Remaja" dalam *Majalah Dakwah*. Kuala Lumpur: Isu 274 [Jun].
- Iyas, Syaikh Muhammad bin Ahmad bin. (2002). *Kisah Penciptaan dan Tokoh-tokoh Sepanjang Zaman*. Bandung: Pustaka Hidayah, cetakan ke-1, terjemahan Abdul Halim.
- Jawas, Yazid bin Abdul Qadir. (2007). *Prinsip Dasar Islam Menurut Al-Qur'an dan As-Sunnah yang Shahih*. Bogor, Indonesia: Penerbit Pustaka at-Taqwa. Wujud dalam online pula di: <https://almanhaj.or.id/2043-islam-adalah-agama-yang-sempurna.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Katresna, Muh Rhaka. (2015). "Antara Darwin dan Harun Yahya: Mengenai Asal-usul Manusia". Wujud dalam online di: <http://rhakakatresna.blog.upi.edu/2015/04/antara-darwin-dan-harun-yahya-mengenai-asal-usul-manusia/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Kettani, Ali M. (2005). *Minoritas Muslim di Dunia Dewasa ini*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, terjemahan Zarkowie Soejoeti.
- Khaldun, Ibnu. (2015). *Mukaddimah*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, Terjemahan.
- Labis, Haji Muhammad Nur. (2002). *Sejarah Penulisan Mushaf Asy-Syarif*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Lestari, Lenni. (2014). "Abraham Geiger dan Kajian Al-Qur'an: Telaah Metodologi atas Buku *Judaism and Islam*" dalam *Jurnal Subuf*, Vol.7, No.1 [Juni], hlm.41-60. Wujud dalam online pula di: <file:///C:/Users/acer/Downloads/22-Article%20Text-88-1-10-20151108.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9hb Oktober 2016].
- Lubis, Agus Salim. (1987). *Sendi Pokok Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Nizam.
- Mas'od, Mohd Aizam bin. (2012). "Serangan Ideologi Barat terhadap Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya kepada Iman" dalam *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil.25. Wujud dalam online juga di: http://www.myjurnal.my/filebank/published/article/34227/Article_6.PDF [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9hb Oktober 2016].
- Meyer, Gerald J. (2006). *A World Undone: The Story of the Great War 1914 to 1918*. New York: Random House.
- Mubarak, Abdullah Haji. (1996). *Kisah para Nabi dan Rasul*. Kuala Lumpur: Penerbit Al-Hidayah.
- Najib, Muhammad. (2016). "Kisah Negeri Saba' dalam Al-Qur'an: Studi Kritis Pemahaman Fahmi Basya". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Semarang, Indonesia: Fakultas Ushuluddin dan Humaniora UIN [Universitas Islam Negeri] Walisongo. Wujud dalam online juga di: <http://eprints.walisongo.ac.id/5867/1/124211065.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 3hb Julai 2017].
- Neuwirth, Angelika et al. (2010). *The Quran in Context Historical and Literary Investigations into the Quranic Milieu*. Leiden: Brill.
- Nor, Mohd Roslan Mohd. (2010). "Konflik Israel – Palestin dari Aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis" dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil.5, ms.73-92. Wujud dalam online juga di: https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009616_67678.pdf [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Noor, Arba'iyah Mohd. (2011). "Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu" dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil.6, ms.29-50. Wujud dalam online juga di: https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001137_74522.pdf [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Noor, Yaakob Mat. (1994). *Kedudukan Islam dalam Perlembagaan: Suatu Analisis*. Shah Alam: Al-Rahmaniah.
- Noordin, Sulaiman. (1997). *Sejarah Pemikiran, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi, dan Orde Baru Dunia*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Padwisana, Nur. (2017). "Gaya Bahasa Komunikasi Dakwah Nabi Sulaiman dengan Ratu Negeri Saba' dan para Pembesar dalam Al-Qur'an". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Surakarta, Indonesia: Jurusan Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin dan Dakwah IAIN [Institut Agama Islam Negeri]. Wujud dalam online juga di: <http://eprints.iain-surakarta.ac.id/447/1/Nur%20Padwisana.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan,

- Brunei Darussalam: 3hb Julai 2017].
- Patmawati. (2013). "Sejarah Dakwah Rasulullah SAW di Mekah dan Madinah". Wujud dalam online di: [file:///C:/Users/acer/Downloads/75-269-1-PB%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/acer/Downloads/75-269-1-PB%20(1).pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 9hb Oktober 2016].
- PDI [Pusat Da'wah Islamiah]. (2005). *Membina Umat Mandiri*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam.
- Pitsuwan, Surin. (1989). *Islam di Muangthai: Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*. Jakarta: Penerbit LP3ES, Terjemahan.
- Ramadhan, Danny Setiawan. (2016). "Kisah Nabi Musa dan Raja Fir'aun". Wujud dalam online di: <http://www.muslimmedianews.com/2016/05/kisah-nabi-musa-dan-raja-firaun.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Rashid, Khulqi. (2007). *Al-Qur'an Bukan Da Vinci's Code*. Jakarta: Penerbit Hikmah.
- Rashidi, H.M. (1972). *Sekularisme dalam Persoalan Lagi*. Jakarta: Yayasan Bangkit.
- Ridzuan, A.A., M.J.H. Kadir & H.A.B. Mohamed. (2013). "Perang Badar dan Uhud: Satu Analisis Strategi Peperangan dan Pertahanan Nabi Muhammad SAW" dalam *'Ulum Islamiyyah Journal*, Vol.10 (June), ms.31-51. Wujud dalam online pula di: <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9118/1/Vol.10%20Jun%202013.part%203.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Rizal, Khairul. (2016). "Penanggulangan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender): Studi Pemikiran Hukum Pegiat Sosial Keagamaan Ikatan Alumni Timur-Tengah (IKAT) Aceh". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Banda Aceh, Indonesia: Fakultas Syari'ah dan Hukum UIN [Universitas Islam Negeri] Ar-Raniry. Wujud dalam online juga di: <https://repository.ar-raniry.ac.id/1760/1/Khairul%20Rizal.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].
- Saad, Rahmah. (1996). *Kehidupan di Alam Rahim*. Bandar Seri Begawan: Percetakan Sooriya.
- Sarnap, Fadillah. (1998). *Perundangan Islam: Sejarah Perkembangan, Sumber, dan Mazhabnya*. Kuala Lumpur: Perniagaan Jahabersa.
- Shihab, Muhammad Quraih et al. (2001). *Sejarah dan Ulumul Qur'an*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Stapa, Zakaria. (1999). "Pendidikan Islam dan Ancaman Masa Kini" dalam *Jurnal Pemikir*, Isu Julai-September.
- Weech, W.N. (1976). *Sejarah Dunia*, Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weinberg, Gerhard L. (2005). *A World at Arms: A Global History of World War II*. Cambridge: Cambridge University Press, second edition.
- Yahya, Harun. (2010). *Kaum-kaum yang Pupus*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Yegar, M. (2002). *Between Integration and Secession: The Muslim Communities of the Southern Philippines, Southern Thailand, and Western Burma/Myanmar*. Maryland: Lexington Books.
- Yusof, Ummu. (2000). "Pengaruh Media dan Budaya Gengsterisme" dalam *Majalah Dakwah*. Kuala Lumpur: Isu 276 [November].
- Zubeir, Ahmad. (2009). "Analisis Kisah Nabi Musa 'Alaihi al-Salam versus Fir'aun dalam Al-Qur'an al-Karim". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Medan, Indonesia: Program Studi Bahasa Arab, Fakultas Sastra USU [Universitas Sumatera Utara]. Wujud dalam online juga di: <http://repository.usu.ac.id/bitstream/handle/123456789/30185/Cover.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15hb Januari 2017].



Pelajaran Sejarah dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadist*

(Sumber: <http://www.muslimdaily.net/khazanah-islam>, 3/7/2017)

Meskipun lembaran sejarah yang tercatat dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith* sudah menjangkau beribu tahun dan hingga kini sudah banyak kemajuan yang dicapai dalam tamadun manusia, namun yang tidak banyak berubah ialah kegiatan yang bertentangan dengan kehendak Allah SWT. Nilai-nilai negatif seperti yang terdapat dalam sejarah *Al-Qur'an*, dalam kalangan manusia hari ini, masih wujud dan berleluasa. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa manusia hari ini masih belum mahu mengambil iktibar daripada apa yang berlaku kepada kaum-kaum terdahulu, sepertimana yang didedahkan oleh kisah sejarah dalam *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith*. Mereka tidak terfikir bahawa perkara ini akan mengundang bala dan bencana daripada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Berkuasa.